

Selain daripada itu, pihak SKMM juga telah membangunkan satu aplikasi iaitu ITU-EMF *Guide* yang boleh memberi penjelasan kepada orang awam mengenai pancaran dari menara komunikasi. Aplikasi ini boleh dimuat turun dari *Play Store* bagi pengguna telefon pintar berasaskan Android dan juga *Apps Store* bagi pengguna telefon pintar berasaskan IOS.

Dari sudut keselamatan dan persekitaran, pihak Kementerian akan sentiasa memastikan jarak menara di lokasi tersebut adalah mematuhi jarak minimum menara seperti mana yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengenai pengagihan projek dan pemilihan tapak untuk pembinaan menara komunikasi, ia merupakan isu komersial yang akan diputuskan oleh pihak pembekal perkhidmatan di mana pihak Kementerian tidak terlibat dalam perkara tersebut.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
DARIPADA [ PENAMPANG ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan apakah status pelaksanaan untuk menempatkan 90% guru-guru tempatan dari Sabah ke sekolah-sekolah seluruh Sabah dan jika belum dilaksanakan dengan penuh, alasan terperinci atas sebab demikian.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberi keutamaan penempatan guru baharu ditempatkan ke Sabah dalam kalangan guru kelahiran atau anak jati Negeri Sabah dalam proses penempatan bagi memastikan sasaran 90 peratus guru yang berkhidmat di Negeri Sabah terdiri dalam kalangan anak tempatan dapat dicapai pada tahun 2018. Walau bagaimanapun penempatan guru baharu adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan dan keperluan opsyen.